

SEMANGAT PATRIOTISME MELALUI LAGU-LAGU PATRIOTIK: KAJIAN PERSEPSI BEBERAPA ORANG BELIA DI KOTA KINABALU, SABAH

Mahat Jamal

Manifestasi cintakan negara seringkali dipamerkan melalui pelbagai kaedah bagi melambangkan keterlibatan dan sumbangan warga masyarakat secara langsung atau sebaliknya dalam proses pembangunan negara. Lazimnya sumbangan masyarakat terhadap negara sering dituntut berbanding sumbangan negara terhadap masyarakat. Dalam hubungan ini, masyarakat belia yang acapkali disifatkan sebagai pelapis dan penggalas teraju kepimpinan negara tidak dinafikan mempunyai peranan dan sumbangan yang sangat signifikan dalam mewarnai pembangunan negara. Makalah ini meninjau persepsi dan kefahaman belia terhadap semangat patriotisme yang diterapkan melalui lagu-lagu patriotik dalam pelbagai peringkat aktiviti dan program sosial. Data diperolehi melalui rujukan perpustakaan, sorotan literatur, maklumat siaran lagu-lagu patriotik radio RTM Sabah dan temubual beberapa orang belia. Kajian menunjukkan bahawa hampir semua daripada informan mula didedahkan dengan lagu-lagu patriotik semasa di sekolah rendah. Mereka juga menyedari terdapatnya siaran lagu-lagu patriotik melalui radio RTM, tetapi ada yang tidak mengikutinya. Bagaimanapun, kebanyakan informan bersetuju semangat patriotisme dan nasionalisme perlu disemai, dibaja, dipupuk dan dididik sejak peringkat pra-sekolah, membawa ke alam persekolahan sehingga ke Universiti. Justeru naluri kebanggaan terhadap maruah, jati diri dan cinta negara dapat dilestarikan hasil penghayatan budaya patriotisme melalui lagu-lagu patriotik. Kebanyakan informan juga berpendapat, siaran harian lagu-lagu patriotik melalui radio RTM dapat meningkatkan kecintaan terhadap negara dan menyarankan supaya stesen-stesen penyiaran swasta lain juga berbuat demikian agar budaya semangat patriotisme dan nasionalisme dapat diarusperdanakan sebagai sebahagian cara hidup masyarakat majmuk di Malaysia. Mereka juga mensyorkan agar ciptaan lagu-lagu patriotik diberi nafas baru dengan memasukkan unsur-unsur citarasa dan gerne gaya budaya belia masa kini.

Kata Kunci: lagu-lagu patriotik, patriotisme, nasionalisme, belia, RTM, masyarakat majmuk, cintakan negara.

Pendahuluan

Kesedaran dan penghayatan semangat patriotik terhadap sesebuah negara lazimnya dipamerkan melalui pelbagai kaedah sebagai lambang cintakan bangsa dan negara. Di Malaysia kesedaran dan penghayatan semangat patriotik terserlah sepanjang bulan Ogos dan memuncak pada tanggal 31 Ogos, tarikh keramat menyambut hari kemerdekaan secara

besar-besaran. Ini diikuti pula dengan perayaan hari pembentukan Malaysia pada 16 September setiap tahun.

Pelbagai program disusun oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) selaku Pengerusi Jawatan Kuasa Pegeloa Hari Kemerdekaan/Kebangsaan di peringkat kebangsaan melibatkan semua kementerian, badan berkanun, agensi dan badan swasta yang turut mengembeling tenaga mewarnai kedua-dua hari keramat tersebut. Perhimpunan dan perarakan raksaksa merupakan satu ritual bagi menyambut 31 Ogos di peringkat kebangsaan yang lazimnya berpusat di Kuala Lumpur.

Sebagai agensi di bawah KKMM Jabatan Penerangan Malaysia dan Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) diamanah untuk melaksanakan program-program berdasarkan fungsi jabatan masing-masing yang menuntut keterlibatan semua warga Malaysia dalam usaha merealisasikan doktrin yang menekankan perpaduan, kesejahteraan dan kerharmonian dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. Untuk maksud demikian, Jabatan Penerangan akan menganjurkan program-program seperti "Kembara Merdeka", "Pidato Kenegaraan", "Larian Hari Kemerdekaan" dan sebagainya. Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) pula, selain meuar-uarkan elemen-elemen patriotisme dan nasionalisme melalui radio dan TV, juga akan menerbitkan rancangan-rancangan khas drama, bual bicara, majalah dan dokumentari untuk menyemarakkan lagi kesedaran semangat patriotisme dan nasionalisme di kalangan masyarakat keseluruhannya, termasuk warga belia.

Intipati semangat patriotisme dan nasionalisme akhirnya ialah perpaduan yang selanjutnya menatijahkan keadaan yang aman damai yang dapat melahirkan suatu bentuk kestabilan politik, ekonomi dan sosial yang baik. Keadaan ini membolehkan rakyat daripada pelbagai etnik dapat hidup bersama dalam suasana aman dan bebas daripada konflik kekerasan etnik yang kerap dan berpanjangan (Shamsul Amri Baharuddin, 2014).

Takrif Belia

Belia bermaksud muda belia, sangat muda, golongan muda secara keseluruhannya yang terdiri daripada pemuda dan pemudi (Kamus Dewan, 2001). Kemudian dijelaskan seterusnya, belia sebagai anak-anak muda lelaki dan perempuan yang telah melepasi umur kanak-kanak dan mula memasuki dewasa, cukup umur untuk mendirikan rumah tangga kerana telah baligh.

Maksud belia diperincikan lagi oleh Zainal Abiddin (2007), melalui kajian yang dibuat oleh Ismail (2004) dimana usia baligh dipandang dari sudut perspektif Islam. Dalam Al-Qur'an belia disebut *fata* manakala maksud yang sama dalam hadith merujuk kepada istilah *syabab*.

Takrif belia bagi Malaysia ialah mereka yang berumur di antara 15-40 tahun, (Akta 668 Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia) sementara negara-negara lain mempunyai takrifan berbeza. Bagi Negara Brunei Darussalam usia belia ialah di antara 15-25 tahun; Singapura 15-29 tahun; Thailand 15-24; Vietnam 15-35; Filipina 15-30; China 15-28; India 13-35; Australia 15-25 dan New Zealand 15-24 (*Youth Policy Formulation Manual, United Nation 1999*).

Belia adalah cerminan masa hadapan sesebuah negara. Prof. Dr. Yusof Al Qardahawi, seorang sarjana pemikir Islam tersohor, menyatakan bahawa "Apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi mudanya pada hari ini, sekiranya golongan muda pada hari ini adalah dari kalangan yang berakhlak dan berhemah tinggi, tentunya negara kita akan datang sebuah negara yang aman makmur, tetapi jika keadaan sebaliknya maka bersedialah untuk berhadapan dengan kemungkaran buruk akan berlaku" (dipetik dari artikel Nor Hartinai Saari, 2008). Justeru, pelbagai program belia wajar diwujudkan untuk memperkasakan peranan mereka sebagai "Pemuda harapan bangsa dan pemudi tiang negara".

Sejumlah 12,526,567 warga belia daripada 28,250.5 juta penduduk Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010) sudah semestinya dituntut menabur bakti kepada negara dan bangsa. Ini selaras dengan visi Kementerian Belia dan Sukan untuk melahirkan masyarakat belia yang produktif, progresif dan dinamik yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara bangsa. Sementara misinya pula ialah untuk membina masyarakat Malaysia yang patriotik dan bersatu padu melalui program pembangunan belia dan sukan yang strategik (Portal Rasmi Kementerian Belia dan Sukan, 2016). Atas dasar inilah juga harapan yang diletakkan ke atas bahu setiap belia negara sebagaimana harapan Presiden Amerika ke 35, John F. Kennedy kepada rakyatnya agar "Jangan tanya apa yang negara boleh buat untuk anda tetapi tanyalah apa yang anda boleh buat untuk negara," semasa ucapan sulungnya di Washington D.C pada 20 Januari 1961. Ungkapan terkenal ini merupakan rayuan patriotisme dan cabaran kepada warga Amerika umumnya termasuklah generasi belia khususnya untuk berbakti dan mempertahankan negara dari pelbagai bentuk ancaman yang mendatang.

Patriotisme

Patriotisme berasal dari perkataan Greek merupakan perasaan bangga dan cinta kepada negara serta kesediaan untuk berkorban apa saja demi kepentingan negara (Berns, 1997). Patriotisme juga boleh ditakrifkan sebagai keterpunyaan ahli kumpulan terhadap kumpulan mereka dan tanah tumpah dimana mereka bermastautin (Daniel Bar-tal dan Ervin Staub,

1997). Nilai-nilai patriotisme termasuklah elemen-elemen kesetiaan, keberanian, rela berkorban, kesukarelaan, cintakan bangsa dan negara (Abd Rahim Abd Rashid, 2004). Seseorang itu boleh dianggap sebagai berjiwa patriot (pejuang) apabila kepercayaan, amalan dan tindakannya menepati ciri-ciri berteraskan kecintaan dan kesetiaan kepada negara (Nik Anuar Nik Mahmud, 2002).

Dalam epik Melayu Hikayat Hang Tuah, terserlah kehebatan patriotisme Hang Tuah sebagai wira Melayu walaupun hikayat ini penuh dengan legenda dan mitos, tetapi watak Hang Tuah tetap dianggap sebagai lambang kesatrian dan kepahlawanan bangsa Melayu. Beliau juga merupakan satu contoh klasik yang tinggi dan mulia dalam mengabadikan diri kepada sultan dan negara. Para pengkaji sejarah melihat semangat patriotik di Malaysia bermula sejak Zaman Melaka dan menyemarak pada abad ke 17 (Abdul Latif Abu Bakar, 1996) sehinggalah masa kini.

Nilai-nilai patriotik dalam konteks Malaysia ialah (1) Berbangga sebagai rakyat Malaysia, (2) Bersemangat setia negara, (3) Bersemangat kekitaan, (4) Berdisiplin dan (5) Berusaha dan Produktif yang telah diterima dan digunakan oleh Kementerian Pendidikan (Ahmad Fawzi Basri, 2002). Nilai-nilai murni ini telah diterapkan di kalangan pelajar-pelajar dari peringkat rendah, menengah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) agar dapat melahirkan modal insan yang mempunyai jatidiri yang tinggi sebagai aset yang berharga kepada agama, bangsa dan negara.

Semangat dan nilai-nilai patriotisme juga telah diterjemahkan saban tahun melalui pemilihan pelbagai tema hari kebangsaan bermula tahun 1970 (Ajit, 2008). Bermula pada tahun 1970 tema yang dipilih ialah "Muhibah dan Perpaduan"; diikuti dengan "Masyarakat Berkebudaya Malaysia" (1973); Sains dan Teknologi Alat Perpaduan" (1974); "Bersatu Maju" (1977); "Kebudayaan Sendi Perpaduan" (1978); "Bersatu Berdisiplin" (1979); "Bersama Ke arah Kemajuan" (1983); "Nasionalisme Teras Perpaduan" (1985); "Setia Bersatu Berusaha Maju" (1987; " Bersatu" (1988 & 1989); "Bersatu Menuju Wawasan" (1993); "Bersatu Ke Alaf Baru" (1999); "Perpaduan Teras Kejayaan" (2008) dan "1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" (2009, 2010 & 2011); "Janji Ditepati" (2012); "Tanah Tumpahnya Darahku" (2013); "Disini Lahirnya Sebuah Cinta" (2014) dan "Sehati Sejiwa" (2015). Ternyata dengan adanya tema hari kebangsaan setiap tahun dapat menyemarakkan lagi keterujaan masyarakat pelbagai kaum menjayakan perayaan hari kebangsaan sebagai manifestasi budaya cinta negara dan kehidupan berharmoni di Malaysia. Ini disokong pula oleh RTM dengan meuar-uarkan tema dan lagu-lagu patriotik melalui kesemua saluran radio RTM di seluruh negara.

Nasionlisme

Nasionalisme pula bermaksud sebagai ideologi baru negara-bangsa atau sebarang gerakan kearah pewujudan sebuah negara bangsa baru (Kohn, 1968) yang menjadi tenaga penggerak amat berpengaruh dalam menangani perjuangan sesuatu bangsa (Abd Rahim Abd Samad, 2004). Nasionalisme melahirkan bangsa, sementara demokrasi melahirkan negara dan pemerintahan, maka nasionalisme bersama demokrasi melahir negara bangsa (*nation state*) (Dernest Gellner, 1983). Konsep patriotisme dan nasionalisme pada dasarnya berkisar kepada perasaan cintakan negara di mana nasionalisme berasaskan kesayangan dogmatis kepada negara dan bangsa dengan pernyataan pendirian seseorang "walau apa keadaan sekalipun ia tetap negaraku" di samping perasaan dan sikap berkaitan dengan indentiti bersama sesuatu kumpulan (Anderson,1992).

Lagu-Lagu Patriotik

Lagu-lagu patriotik adalah adunan muzik dan lirik bagi membentuk irama yang dapat menimbulkan semangat perjuangan, kesetiaan, kebanggaan, pengorbanan dan cinta terhadap agama, bangsa dan negara. Di Malaysia kanak-kanak se awal peringkat pra-sekolah telah mula didedahkan perasaan cintakan tanah air dengan menyanyikan lagu kebangsaan Malaysia "Negaraku" di samping lagu-lagu kebesaran negeri masing-masing. Ini berterusan sehinggalah mereka berada di sekolah menengah dan ke IPT dengan harapan semangat kesetiaan dan kecintaan terhadap negara sendiri berkekalan sesuai dengan prinsip "di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung".

Dalam tahun-tahun 50an-60an lagu kebangsaan Malaysia "Negaraku" bukan saja dinyanyikan pada setiap perhimpunan di sekolah rendah dan menengah tetapi ianya juga dimainkan di pawagam sebelum dan setelah tayangan sesuatu wayang gambar. Ini menunjukkan bahawa masyarakat tahun-tahun 50an dan 60an mempunyai kesedaran patriotik yang tinggi berbanding dengan masyarakat 70an ke atas. Pelajar-pelajar ditekankan mengenai peri pentingnya semangat patriotik sehingga apabila terdengar lagu "Negaraku" melalui radio pun, mereka terus berdiri menghormatinya walaupun bukan di tempat awam.

Lagu-lagu patriotik bukan sahaja dapat menyuntik perasaan cintakan negara tetapi juga menjadi lagu warisan popular negara masing-masing, seperti yang terdapat di Argentina dengan lagu "*Don't Cry For Me Argentina*", di Indonesia dengan lagu-lagu "Bengawan Solo" dan "Jambatan Merah". Di Malaysia juga tidak kurang mempunyai lagu-lagu "Bahtera Merdeka", "Selamat Tinggal Bungaku", "Gemilang", "*Standing in the Eyes of the World* " di samping lagu-lagu yang berentak mac seperti "Keranamu Malaysia",

“Wawasan 2020”, “Perajurit Tanah Air (Inilah Barisan Kita)” dan lagu-lagu yang berbentuk *solemn* seperti “Negaraku” dan kebanyakan lagu-lagu rasmi negeri masing-masing seperti “Sabah Tanah Airku” bagi Sabah dan lagu “Ibu Pertiwiku” di Sarawak. Setiap nyanyian lagu patriotik sudah pasti mempunyai mesej-mesej tertentu yang dihendak disampaikan kepada masyarakat, seperti contoh dalam Rajah 1.

Rajah 1: Mesej dan Lagu

Mesej	Lagu/Penyanyi
Perpaduan	Negaraku, 1 Malaysia (Roy), Warna Warni Malaysiaku (Siti Nurhalizah), Rukunegara, Sehati Sejiwa, Bahasa Jiwa Bangsa, Muhibbah , Perpaduan Teras Kejayaan & Berjaya.
Pembangunan	Wawasan 2020, Untukmu Malaysia, Cemerlang, Gemilang Terbilang Malaysia Berjaya & Gemilang Malaysia.
Kesetiaan	Saya Anak Malaysia (dr. Sam), Setia, I am 4 You, Putera-Puteri, Pahlawanku, Untukmu Malaysia, Jalur Gemilang , Mentera Semerah Padi (M. Nasir) dan Berkorban Apa Saja (P.Ramlee).
Keindahan Tanah Air	Cuti-cuti Malaysia (Siti Nurhalizah), Tanah Pusaka, Gunung Kinabalu, Sungai Pahang & Semalam di Kuala Terengganu, Kemegahan Negaraku, Bahtera Merdeka & Kuala Lumpur (Saloma).
Perjuangan	Tanggal 31, Warisan , Di sini Bermula Sebuah Cinta (Sudirman Hj. Arshad), Perwira (Saloma), Kucupan Azimat (Ahmad Jais)

	Selamat Tinggal Bungaku (S.M.Salim), Malaysia Baru (Aziz Jaafar) & Puncak Jaya.
Motivasi	Gemilang dan <i>Standing In The Eyes of The World</i> (Ella), Fikirkan Boleh (Metropolitan), Malaysia Boleh, Nyalakan Tekad , Ilham Pujangga (Ismail Haron) & Kucari Damai Abadi.

Kajian Lepas

Satu kajian secara kuantitatif mengenai kesedaran patriotik dalam kalangan belia Bandar di Semenanjung Malaysia (Sarjit S. Gill, et al, 2015) telah dibuat oleh Profesor Madya Sarjit S. Gill, Profesor Madya Ahmad Tarmizi Talib dan Mohd Rahimi Ramli dari Universiti Putra Malaysia.

Dalam kajian tersebut seramai 500 responden di temubual dan dapatan profil demografinya adalah 40.2% lelaki dan 59.8% perempuan berumur di antara 15 sehingga 40 tahun. Enam puluh peratus 62.0% terdiri daripada Melayu, Cina 23.0%, India 13.0% dan lain-lain 2.0%. Responden yang beragama Islam seramai 65.2 %, 15.6% Buddha, 11.4% Hindu, Kristian 8.6% dan lain-lain 1.2%. Dari segi pendidikan sebanyak 36.4% mempunyai ijazah pertama diikuti dengan pemegang diploma 26.4%, SPM, 22.2% , STPM 6.2%, PMR 3.2%, sarjana 2.8%, PhD, UPSR 0.2% dan lain-lain 2.0%. Mereka yang bekerja dengan swasta sebanyak 31.2%, di awam 16.6%, pelajar 42.8%, bekerja sendiri 5.6% dan yang tidak bekerja 3.8%.

Sebanyak enam elemen dikaji antaranya ialah dari segi tahap kesedaran patriotisme di kalangan responden pada keseluruhannya, kesedaran patriotisme mengikut etnik, patriotisme mengikut jantina, kesedaran patriotisme mengikut tahap pendidikan dan kesedaran patriotisme mengikut jenis pekerjaan.

Dapat dilihat tahap kesedaran patriotisme keseluruhan responden adalah tinggi sebanyak 78.0% diikuti dengan tahap sederhana 21.0% dan rendah 1.0%. Dari segi kesedaran patriotisme mengikut etnik, Melayu mendahului etnik lain dengan skor 89.03% di tahap tinggi diikuti oleh etnik India sebanyak 76.9% dan Cina 52.17%. Kesedaran patriotisme di peringkat sederhana pula etnik Cina berada di hadapan dengan skor 46.%

diikuti oleh India 20.0% dan Melayu 10.32%. Bagi etnik-etnik lain skor yang tertinggi ialah di tahap kesedaran sederhana sebanyak 60.0% diikuti kesedaran tinggi, 40.0%.

Perempuan mendahului kaum lelaki dengan skor 79.3% di tahap kesedaran patriotisme yang tinggi, sementara kaum lelaki, 76.1%. Lelaki mempunyai skor kesedaran patriotisme tahap sederhana sebanyak 22.4% dibandingkan dengan perempuan 20.1%. Kesedaran patriotisme di tahap rendah bagi lelaki ialah sebanyak 1.5% diikuti oleh perempuan, 0.6%.

Berdasarkan pendidikan responden, mereka yang berkelulusan ijazah mempunyai kesedaran patriotisme pada tahap yang tinggi iaitu 81.5 % dibandingkan dengan 18.5% berada pada tahap sederhana. Bagi pemegang diploma mempunyai kesedaran patriotisme tahap tinggi iaitu 72.7%, sebanyak 24.2% mendapat skor sederhana dan 3.1% berada pada tahap rendah. Seterusnya di peringkat SPM sebanyak 80.2% mempunyai skor kesedaran patriotik yang tinggi manakala 19.8% berada dalam tahap kesedaran patriotisme yang sederhana. Bagi peringkat STPM pula, sebanyak 83.9% responden mencapai tahap kesedaran patriotisme yang tinggi sementara 16.1% pada tahap yang sederhana. Tahap kesedaran patriotik di kalangan responden di peringkat PMR, sarjana, UPSR, PhD berada di tahap yang tinggi.

Dari segi kesedaran patriotik mengikut jenis pekerjaan pula, responden yang bekerja dengan kerajaan/sektor awam mempunyai tahap kesedaran patriotisme yang tinggi dengan skor 90.4% manakalah pada tahap sederhana ialah sebanyak 9.6%. Bagi pekerja swasta, sebanyak 78.2% di tahap kesedaran patriotisme yang tinggi berbanding dengan tahap sederhana sebanyak 21.8%. Sementara itu, sebanyak 60.7% responden yang bekerja sendiri mempunyai tahap skor kesedaran patriotisme yang tinggi dengan skor 60.7% dan 39.3% di tahap yang sederhana. Bagi yang tidak bekerja sebanyak 78.9% mempunyai kesedaran patriotisme di tahap tinggi, peringkat sederhana 15.8% dan di peringkat rendah dengan 5.3%. Di kalangan pelajar pula skor kesedaran patriotisme di tahap tinggi ialah 75.5%, tahap sederhana, 22.9% dan sebanyak 1.9% di tahap rendah.

Kajian berkenaan mempunyai intipati yang sama dengan kajian penyelidik seperti responden yang terdiri daripada warga belia dan patriotisme sebagai teras kajian. Cuma yang berbeza kajian penyelidik dibuat secara kualitatif dengan penekanan terhadap nilai-nilai patriotisme melalui lagu-lagu patriotik.

Metod Kajian

Maklumat diperolehi melalui temubual secara persampelan *purposive* terhadap 10 informan terdiri daripada belia-belia berumur di antara 19 hingga 35 tahun yang berada di Bandar raya Kota Kinabalu. Soalan-soalan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A mengenai profil informan, Bahagian B lagu-lagu patriotik secara umum dan Bahagian C mengenai lagu-lagu patriotik yang disiarkan melalui saluran radio khususnya radio-radio RTM. Soalan-soalan merangkumi enam tema yang berintikan patriotisme seperti: apakah gambaran para belia tatkala mendengar lagu-lagu patriotik; apakah tujuan lagu-lagu patriotik dinyanyikan; bagaimanakah pelaksanaan penghayatan lagu-lagu patriotik di kalangan belia; adakah keperluan khusus untuk mendidik para belia meningkatkan kesedaran patriotisme di kalangan mereka; peranan radio dalam menyiarkan lagu-lagu patriotik dan ciptaan lagu-lagu patriotik yang dapat menarik minat belia mengikuti lagu-lagu berkenaan.

Sepuluh informan ditemubual terdiri daripada 4 lelaki dan 6 perempuan daripada suku kaum Dusun, Kadazan Bajau, Rungus, Melayu dan Cina yang masing-masing beragama Islam, Kristian (Roman Catholic & Protestan) dan Buddha. Dari segi pendidikan, dua orang berkelulusan sekolah menengah, enam diploma, seorang pemegang ijazah pertama dan seorang lagi sedang belajar di universiti tempatan mengambil jurusan kejuruteraan kimia. Dari segi pekerjaan pula, empat orang pelajar, seorang penari tradisional, seorang Pembantu Kerani, seorang Pembantu Penyelidik, seorang guru dan seorang kerani swasta seperti dalam Rajah 2.

Rajah 2: Demografi Informan

Nama (Samaran)	Umur	Keturunan/ Agama	Pendidikan	Pekerjaan	Gaji Bulanan (RM)
Nur Ahmad	19	Bajau (Islam)	Sekolah Menengah	Pelajar	-
Molly	22	Kadazan (Kristian)	Diploma	Pelajar	-
Rozina	26	Kadazan	Ijazah Pertama	Swasta	2,500.00

James	20	(Kristian) Dusun (Kristian)	Diploma	Pelajar	-
Alice	23	Rungus (Kristian)	Sekolah Menengah	Penari Kebudayaan	1,200.00
Ana	20	Melayu (Islam)	Sekolah Menengah	Pem. Kerani	1,000.00
Monica	28	Cina (Buddha)	Diploma	Pem. Penyelidik	1,500.00
Zainal	21	Melayu (Islam)	Pelajar Universiti	Pelajar	-
Abidin	35	Bajau (Islam)	Diploma	Guru	2,500.00
Effa	27	Dusun (Islam)	Diploma	Swasta	1,700.00

Dapatan Kajian

Persepsi Terhadap Lagu-Lagu Patriotik

Pelbagai persepsi diberikan apabila informan terdengar lagu-lagu patriotik. Bagi Nur Ahmad, 19 tahun berketurunan Bajau Pantai Barat dari Kota Belud yang masih menuntut dalam tingkatan enam atas, berkata lagu-lagu patriotik merupakan "*a pride of the nation*". Satu kebanggaan khazanah negara yang harus dipelihara sebagai aset generasi masa depan. Di sepanjang temubual Nur Ahmad yang bercita-cita menjadi seorang guru bahasa Inggeris banyak menjawab soalan dalam Bahasa Inggeris. Ini mungkin disebabkan beliau lebih selesa menggunakan bahasa Inggeris yang memberi jawapan tepat ke atas soalan-soalan

yang diajukan. Ujarnya walaupun dia sering menggunakan bahasa Inggeris dalam berkomunikasi dengan rakan-rakannya semasa di sekolah, ini bukan bererti semangat patriotismenya luntur dan terhakis.

Bagi Rozina, suku kaum Kadazan berumur 26 tahun berasal dari Penampang yang bertugas di bahagian khidmat pelanggan sebuah syarikat *service provider* berkata " Apabila sebut saja lagu-lagu patriotik, saya teringat akan tugu pahlawan di KL dan jasa-jasa pahlawan yang sanggup berkorban menentang komunis ...kita mesti hormat diaorang..". Katanya jasa pejuang-pejuang tanah air harus dikenang sampai bila-bila atas pengorbanan mereka terhadap negara yang tercinta.

Bagi James, 20 tahun seorang pelajar diploma bidang elektrik dari keturunan Dusun Kota Belud teringat akan sejarah penubuhan Malaysia yang berdaulat, "Walaupun masa itu saya belum ada lagi...tapi saya seolah-olah dapat bayangkan kemeriahan pada tahun 1963 di Padang Perbandaran Jesselton di mana pengistiharan Sabah menyertai gagasan Malaysia". Alice, 23 tahun dari suku kaum Rungus pula menerangkan, "Saya ini penari kebudayaan sudah lima tahun... jadi kalau cakap pasal lagu patriotik, saya selalu ingat itu..suasana hari kebangsaan kerana kami terlibat menarikan tarian tradisi dan kontemporari masa hari kebangsaan... di peringkat negeri, istana dan lain-lain...ada juga kami kena pergi KL".

Monica berumur 28 tahun seorang keturunan Cina bertugas sebagai Pembantu Penyelidik di IPT tempatan, berkata "Lagu-lagu patriotik mengingatkan saya....itu bendera Malaysia..jalur gemilang dan bendera-bendera negeri-negeri di Malaysia.. kena pasang di Ofis, kedai-kedai, bangunan-bangunan dan ada yang di rumah sendiri..".Baginya suasana seumpama ini sangat menarik kerana muncul hanya sekali dalam setahun. Bagi Abidin, 35 tahun seorang guru sekolah rendah berketurunan Bajau Pantai Timur teringat akan suasana di sekolah di mana pelbagai aktiviti sering diadakan bersama murid-muridnya termasuklah mengetuai kontenjen murid-murid sekolah menyertai perayaan hari kebangsaan di peringkat daerah dan bahagian.

Bagi Effa pula, 27 tahun dari suku keturunan Dusun dan seorang pekerja swasta di syarikat menjual peralatan elektrik berkata, "Kalau dengar lagu patriotik..saya selalu ingat Allahyarham Sudirman Hj. Arshad yang menyanyikan *Tanggal 31* dan *Warisan*. Memang dia bestlah...dia nyanyi dengan penuh bersemangat dan bertenaga". Effa juga meminati lagu "Tegakkan Bendera kita" dan "Di sini bermula sebuah cinta" oleh Sudirman Hj. Arshad yang sering berkumandang di corong-corong radio. Bagi Ana pula, 20 tahun yang baru bekerja seorang pembantu kerani di sebuah jabatan awam teringat akan lirik lagu-lagu patriotik yang mempunyai maksud tersendiri bagi memupuk perpaduan pelbagai kaum di Malaysia

umumnya dan di Sabah khususnya. Ini disokong oleh Zainal, 21 tahun seorang pelajar IPT tempatan dengan berkata, "Sambil dapat melahirkan perasaan rasa cinta dan sayang kepada negara kita, para belia seharusnya jangan membuat sesuatu yang boleh memburukkan nama baik dan imej negara... seperti terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan mengamalkan gaya hidup tidak sihat seperti merokok, merempit, membuang masa dan lain-lain".

Seorang lagi pelajar diploma pelancongan di kolej swasta Kota Kinabalu, Molly 22 tahun dari suku kaum Kadazan dari Papar berkata, "Bila saya dengar lagu-lagu patriotik, saya teringat akan keindahan alam semula jadi di negara kita, terutama di Sabah yang boleh dijadikan produk pelancongan, macam Gunung Kinabalu..Pulau Sipadan... yang dapat memberi pulangan lumayan kepada negara." Beliau juga bersetuju lagu-lagu patriotik dapat memotivasikan seseorang pelajar untuk terus bersemangat menimba ilmu semaksima mungkin sebagai bekalan di hari muka.

Lagu-lagu yang diingati dan sentiasa diminati informan antaranya ialah "Tanggal 31" diminati oleh Molly, James, Abidin dan Effa diikuti dengan lagu "Keranamu Malaysia" oleh Nur Ahmad, Rozina dan James. Lagu malar segar "Perwira", nyanyian biduanita Saloma diminati oleh Alice dan Effa. Lagu-lagu lain yang menjadi pilihan ialah "Malaysia Oh Tanah Airku", "Warisan" nyanyian Sudirman Hj. Arshad dan "Baju Hijau" oleh Sanisah Huri. Kesemua lagu-lagu ini berintikan ciri-ciri patriotisme yang berteraskan kecintaan dan kesetiaan kepada negara (Nordin Kardi, 2003).

Tujuan Lagu-Lagu Patriotik dinyanyikan

Bagi Nur Ahmad, tujuan lagu-lagu patriotik dinyanyikan adalah untuk menimbulkan semangat perjuangan di kalangan rakyat khususnya para pelajar. Para pelajar yang bakal menerajui kepimpinan negara di masa hadapan perlu disuntik dengan semangat perjuangan ketika mereka digelar pelajar kerana bagi Nur Ahmad di peringkat ini mereka sedang dalam proses pembentukan fikiran dan *mindset*. Molly pula berpendapat tujuan lagu-lagu dinyanyikan, untuk menimbulkan sayang kepada negara melalui paparan keindahan alam semula jadi yang harus dibangga oleh semua rakyat Malaysia khususnya di Sabah.

Bagi Rozina, lagu-lagu patriotik dinyanyikan supaya kita dapat mengingati perjuangan pahlawan yang telah gugur dalam mempertahankan negara. Bagi James dan Alice lagu-lagu patriotik dapat menaikkan semangat patriotik seperti suasana sepanjang bulan kemerdekaan. Bagi Ana pula ia dapat menyemai semangat setiakawan dan muhibbah di kalangan rakyat pelbagai kaum. Cik Gu Abidin pula berpendapat lagu-lagu patriotik yang dinyanyikan bertujuan untuk menghargai nikmat kemerdekaan dan keamanan di samping

menyemai budaya patriotisme dalam diri individu dan masyarakat, khususnya di kalangan pelajar-pelajar dan belia. Menurut Effa pula tujuan lagu-lagu patriotik dinyanyikan untuk mengekalkan semangat kekitaan untuk maju dalam negara Malaysia yang berdaulat.

Penghayatan Lagu-Lagu Patriotik

Pelbagai saranan diberikan informan terhadap penghayatan semangat lagu-lagu patriotik antaranya menurut Nur Ahmad "*the world is advancing everyday, with the younger generation forgetting theirs roots, the best way is to just let them embrace our national anthem*". Bagi Nur Ahmad generasi muda sekarang kurang memberi perhatian terhadap warisan budaya tempatan kerana ramai terpengaruh dengan budaya hedionisme yang hanya mementingkan keseronokan dan kesenangan dan kurang mengambil tahu perkembangan dunia masa kini. Oleh itu pelbagai kaedah mempertahankan warisan budaya melalui semangat lagu-lagu patriotik harus diperkasakan lagi.

Penghayatan terhadap lagu-lagu patriotik adalah penting dalam kalangan belia supaya maksud tersirat dalam lagu dapat difahami. Menyanyi saja lagu-lagu berkenaan tidak memberi kesan mendalam tanpa mengetahui mesej yang hendak disampaikan. Itu pandangan Molly dan Ana. Menurut Alice pula penghayatan lagu-lagu patriotik harus bermula di peringkat sekolah bagi menerangkan maksud yang tersirat di sebalik setiap bait dan lirik lagu-lagu berkenaan. Bagi James penghayatan lagu-lagu patriotik dalam kalangan masyarakat boleh dilaksanakan dengan menyanyikan lagu-lagu patriotik yang sesuai dalam majlis-majlis formal anjuran sektor awam atau swasta.

Kebanyakan informan bersetuju dengan amalan menyanyikan lagu "Negaraku" diikuti dengan lagu negeri masing-masing dalam majlis-majlis rasmi. Amalan ini perlu diteruskan dengan tambahan lagu-lagu lain seperti "Malaysia oh Tanah Airku" dan "Sejahtera Malaysia". Bagaimanapun keadaan ini hendaklah bersesuaian dengan majlis yang diadakan. Namun demikian dapat diperhatikan masih ada yang tidak menghormati ketika lagu "Negaraku" dimainkan. Ini mungkin disebabkan kurang pendedahan terhadap lagu-lagu patriotisme dan ataupun kurang berkesan (Ahmad Ahmad Rusdi, 2002).

Pendidikan Nilai-Nilai Patriotisme

Pendidikan kesedaran nilai-nilai patriotisme sangat penting dalam memastikan perasaan cintakan negara dapat disemai di kalangan generasi akan datang. Kebanyakan informan bersetuju pendidikan ke atas belia terhadap elemen-elemen patriotik harus bermula se awal pra-sekolah, peringkat sekolah sehinggalah ke Universiti. Nur Ahmad menyarankan "*teach our youngsters the history of our nation, so that they will respect what our nation had done*

to them'. Molly dan Zainal pula menyarankan agar mata pelajaran sivik dan kewarganegaraan turut dimasukkan dalam modul pengajaran di semua peringkat pendidikan.

Kefahaman dan penghayatan mendalam terhadap patriotisme dapat memperkasakan perpaduan kaum di Malaysia bagi menghidarkan perkara-perkara yang mengganggu-gugat keharmonian sedia ada agar peristiwa hitam 13 Mei 1969 dan peristiwa Kampung Medan pada 4 Mac 2001 tidak berulang. Dalam hubungan ini, kesemua informan bersetuju Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dilihat sebagai instrumen berkesan dalam proses memberi pendidikan berterusan agar kaum belia dan remaja dibekalkan dengan semangat patriotik dan jati diri yang tinggi sebagai senjata ampuh menghadapi pelbagai cabaran negara masa kini.

Siaran Lagu-Lagu Patriotik Melalui Radio

Daripada 10 informan yang ditemubual, lapan mendengar lagu-lagu patriotik siaran radio RTM. Nur Ahmad yang biasa mendengar siaran Inggeris Sabah VFM akan beralih mendengar Sabah FM menjelang bulan kemerdekaan kerana menurutnya siaran radio Bahasa Melayu membuat liputan lebih menarik dan menyeluruh. Lagu-lagu patriotik yang disiarkan oleh radio RTM selepas setiap berita dirasakan sesuai kecuali Molly yang berpendapat lagu-lagu patriotik elok disiarkan sebelum siaran berita, memandangkan pendengar sedang bersiap sedia menunggu siaran setiap berita.

Semua informan bersetuju lagu-lagu patriotik perlu kerap disiarkan sepanjang bulan kemerdekaan sehingga menjelang 31 Ogos dan 16 September setiap tahun. Kebanyakan informan bersetuju siaran lagu-lagu patriotik melalui radio RTM sedikit sebanyak dapat menyemarakkan semangat patriotik di kalangan audiens. Ini dapat dilihat, apabila penyampai radio membuka talian telefon bagi mendapatkan pandangan pendengar terhadap sesuatu topik termasuklah elemen-elemen patriotisme dan nasionalisme, mendapat respon yang sungguh menggalakkan.

Ditanya samaada lagu-lagu patriotik dalam Bahasa Melayu perlu terjemahkan ke dalam bahasa-bahasa etnik, 8 informan (Molly, James, Alice, Monica, Rozina, Ana, Effa & Abidin) bersetuju dengan alasan Malaysia terdiri dari berbilang kaum dan terjemahan ke dalam bahasa etnik masing-masing lebih mudah difahami menggunakan bahasa etnik masing. Dua informan Nur Ahmad & Zainal tidak bersetuju lagu-lagu patriotik di siarkan dalam bahasa etnik oleh kerana Bahasa Melayu telah menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara Malaysia dan sepatutnya sudah dapat difahami oleh semua lapisan

masyarakat. Bahasa Malaysia juga dilihat bertindak sebagai alat perpaduan di kalangan masyarakat majmuk di Malaysia.

Sementara itu semua informan bersependapat lagu-lagu patriotik bukan saja disiarkan melalui radio RTM, malah juga wajar disiarkan oleh radio swasta agar kesedaran patriotisme dapat diarusperdanakan di kalangan masyarakat, khususnya warga belia. Mereka menyarankan agar satu dasar dapat dibuat oleh KKMM mewajibkan stesen-stesen penyiaran swasta menyiarkan lagu-lagu patriotik setiap hari dan tidak terhad sepanjang bulan kebangsaan/kemerdekaan sahaja.

Oleh kerana radio dan TV dipercayai mempunyai kuasa besar dan mendalam terhadap khlayaknya (Zulkiple Abd. Ghani 1998), dapat dilihat peranan RTM, sebagai media rasmi kerajaan bukan sahaja setakat tertumpu menyiarkan lagu-lagu patriotik, tetapi juga dalam konteks yang lebih luas, menyelitkan elemen-elemen kesedaran patriotisme dalam terbitan rancangan-rancangan bualbicara, majalah, dokumentari, drama dan berita agar masyarakat umum dapat diberikan kefahaman peri pentingnya nilai-nilai patriotisme dalam memperkasakan sesebuah negara.

Ciptaan Lagu-Lagu Patriotik

Nur Ahmad berpendapat "*I like the patriotic songs and respect it, but I'm not the kind of person who kills for my country. Not to that extend.*" Ini menggambarkan walaupun beliau meminati lagu-lagu patriotik, tetapi tidak akan melakukan sesuatu yang akan mengaibkan negara. Kebanyakan lagu-lagu patriotik yang disiarkan radio RTM mempunyai pelbagai rentak seperti pop, mac, asli, joget dan sebagainya. Menurut Effa, sudah tiba masanya untuk mencipta lagu-lagu patriotik dalam rentak yang diminati remaja dan belia masa kini dalam genre *hip hop, rap, remix* seperti lagu "Anak Kampung" nyanyian Jimmy Palikat & *One Nation Emcees*. Satu lagi aspek yang perlu diberi perhatian ialah penyanyi-penyanyi lagu-lagu patriotik haruslah terdiri dari kalangan artis-artis popular remaja untuk memancing minat para belia dan remaja mengikuti lagu-lagu patriotik sebagai salah satu elemen pemangkin pembangunan negara.

Perbincangan

Kajian ini berhubungkait dengan pelbagai isu patriotisme belia melalui lagu-lagu patriotik termasuklah persepsi, penghayatan, pendidikan dan saluran lagu-lagu berkenaan dimainkan.

Dapat disimpulkan beberapa pemerhatian hubungkait kajian dengan hakikat sebenar. Pertama, pemahaman informan terhadap patriotisme tidak semestinya menggambarkan pendirian sesuatu etnik. Dalam kajian ini informan-informan yang dipilih terdiri daripada suku kaum seperti Kadazan, Dusun, Bajau, Rungus, Melayu dan Cina. Senario ini mungkin berbeza jika dibuat di Sandakan yang informannya mungkin terdiri daripada suku kaum Sungai, Brunei, Suluk dan Idahan; di Tawau suku kaum Bugis, Tidung, Jawa dan Kokos; di Keningau suku kaum Dusun, Murut, Bisaya dan Banjar dan di Kudat pula suku kaum Rungus, Kimaragang, Bonggi dan Ubian. Hakikat ini harus diraikan kerana dalam kajian patriotisme antara etnik terdapat perbezaan yang signifikan (Ku Hasnita Ku Samsu, 2007).

Kesedaran patriotik dalam kalangan belia bandar dan luar bandar sudah pasti berbeza namun belum terdapat kajian yang dibuat ke atas kesedaran patriotik di kalangan belia luar bandar. Apa yang pasti ialah kajian yang dibuat mengenai kesedaran patriotik dalam kalangan belia bandar di Semenanjung Malaysia (Sarjit S. Gill et al, 2015) menunjukkan bahawa Melayu mempunyai tahap tinggi kesedaran patriotik dengan skor 89.03% diikuti oleh etnik India sebanyak 76.9% dan Cina 52.17%. Bagi kesedaran patriotik di peringkat sederhana pula etnik Cina berada di hadapan dengan skor 46.% diikuti oleh India 20.0% dan Melayu 10.32%.

Di Sabah walaupun masyarakatnya terdiri daripada pelbagai etnik dan mempunyai sudut pandang berbeza yang berkurun diwarnai pelbagai latar belakang budaya, agama dan cara hidup, apa yang pasti dalam usaha mempertahankan negara semangat patriotik dapat dijadikan pemacu dalam merealisasikan sebuah negara maju (Abd. Rahman Abd Aziz, 2014).

Kedua, dalam usaha penyebaran kesedaran nilai-nilai patriotisme di kalangan belia, RTM menggalaskan tanggungjawab penting dengan meuar-uarkan dasar, program dan aktiviti-aktiviti kerajaan agar sampai kepada audiens namun adakah kaum belia mendengar siaran radio RTM Sabah atau stesen-stesen radio swasta atau lebih berminat dengan aplikasi media sosial. Ketembusan liputan penduduk ialah 85% dan liputan kawasan 80% di seluruh Sabah (Ali, 2013) sudah pasti dapat memberi impak besar yang berperanan melaporkan perubahan melalui penyaluran maklumat kepada masyarakat (Schramm, 1964). Dalam kajian ini 8 daripada 10 informan mendengar radio RTM dengan ini bersetuju pendekatan *song power* dalam menyalurkan pelbagai mesej kepada audiens. Kesemua informan mahu lagu-lagu patriotik disiarkan juga oleh stesen radio swasta, persoalannya yang mana satu hendak ditekankan laba atau cinta negara.

Ketiga, persepsi belia terhadap patriotisme kebelakang ini, seolah-olah merupakan satu ritual. Menjelang bulan kemerdekaan, ramai yang ghairah menghias kenderaan dengan puluhan bendera menunjukkan kesedaran patriotik mereka tinggi. Namun bendera-

bendera berkenaan dibiarkan lusuh dan buruk sendiri dan lebih malang lagi ada yang jatuh ke atas jalan raya tanpa dipedulikan sehingga hancur lebur dilanggar kenderaan lalu lalang.

Keadaannya sama berlaku ke atas nasib bendera-bendera yang dipasang bangunan-bangunan pejabat, rumah kedai dan rumah-rumah persendirian. Kebanyakannya dibiarkan dalam keadaan lusuh, koyak robek sehinggalah menjelang bulan kemerdekaan tahun berikutnya. Dengan perbuatan demikian mereka dilihat belum mempunyai kesedaran patriotisme yang sebenar kerana mengikut Berns (1997) semangat patriotisme bukanlah wujud secara semulajadi dalam diri individu, tetapi semangat tersebut perlu disemai, dipupuk dan diajar. Inilah yang disarankan oleh kesemua informan supaya perasaan cintakan negara harus bermula di peringkat pra-sekolah, sekolah menengah dan kemuncaknya melalui latihan PLKN sehinggalah ke IPT.

Keempat, dalam memurnikan semangat patriotik di kalangan para belia dan remaja, tanggungjawab ibu bapa amat ditagih dalam mendidik kesedaran sivik ke atas diri mereka. Dewasa ini ada yang tidak ambil peduli tindakan anak-anak yang membuang sampah melalui tingkap ketika kereta sedang berjalan. Ada yang membuang bukan saja tisu dan sampah tetapi kulit-kulit buah-buahan seperti rambutan, langsung dan durian. Malah ada yang melontar botol air mineral dengan tidak merasa bersalah. Perbuatan ini sangat tidak beretika dan melanggar disiplin, nilai dan norma-norma budaya masyarakat timur. Amalan ini wajar dihentikan kerana negara memerlukan generasi yang berdisiplin dan produktif menjadi kemudi pembangunan dan kepimpinan negara pada masa akan datang (Saifuddin, 2002). Perbuatan ini juga dan tidak menerminkan maksud yang tersirat melalui lagu patriotik "Budi Bahasa Budaya Kita", "Bersatu Berdisiplin" dan sebagainya.

Kelima, seseorang belia yang berpegang teguh dengan ajaran agama akan mencintai negara kurnian Ilahi. Dengan melaksanakan perintahNya dan meninggalkan laranganNya dapat memartabatkan akhlak dan budi pekerti seseorang insan. Dengan itu setiap kerja dan kebajikan dilaksanakan dengan niat ibadah ganjaran pahala menanti berlipat ganda. Jika seseorang belia muslim mengerjakan solat dengan khusuk dan tawaduk maka solatnya dapat mencegah dirinya dari perbuatan keji dan mungkar (Maksud ayat Al-Ankabut:45). Sedar akan tanggungjawab sebagai insan dan warganegara berguna seseorang sudah pasti tidak akan mencampakkan dirinya ke dalam kebinasaan (Maksud ayat Al-Baqarah: 195) seperti terlibat dalam gejala penyalahgunaan dadah, mengamalkan gaya hidup tidak sihat dan kegiatan-kegiatan yang tidak berakhlak dan tidak bermoral. Belia-belie yang rasional wajar mempunyai semangat "Berkorban Apa Saja", untuk "Negeraku Yang Tercinta" demi "Malaysiaku Gemilang" dan "Jalur Gemilang".

Kesimpulan

Lagu-lagu patriotik sememangnya memainkan peranan penting dalam membangkitkan kesedaran patriotik dalam kalangan masyarakat umum, khususnya generasi belia untuk mencintai agama, bangsa dan negara. Peranan dan penghayatan nilai-nilai patriotisme dalam kalangan pada belia harus dituntut kerana mereka waris peneraju kepimpinan negara di masa hadapan. Cerminan kejayaan masa hadapan sesebuah negara bergantung keupayaan dan kemantapan sistem nilai belia masa kini. Pendedahan belia terhadap lagu-lagu patriotik merupakan satu dimensi dalam menyemarakkan semangat patriotik sebagai teras kesinambungan merealisasikan sebuah negara impian berpendapatan tinggi berpaksikan "Rukunegara" menjelang tahun 2020.

Namun demikian, dalam senario globalisasi masakini, warga belia harus kental berhadapan dengan cabaran dan bersiap-siaga bertahan dan menghormati nilai-nilai keramat sedia, ada di samping bersifat dinamik mengatur derap langkah menuju kejayaan. Kecintaan terhadap negara bukan saja setakat ungkapan yang terukir di bibir sahaja atau dengan menghormati simbol-simbol negara seperti pemimpin, lagu dan bendera (Muhamad Ali Embi, 2009) malahan lebih daripada itu yang wajar dimanifestasikan dalam pelbagai artikulasi lestari dan harus bermula dari saat ini.

Rujukan

- Abd. Rahman Abd Aziz. 2014. *Ruang Bicara Semangat Patriotisme*. Dlm Abdul Rahman Abdul Aziz (Ed.) *Patriotisme Kemandirian Kita*. Kedah: Institut Pemikiran Tun. Dr. Mahatir Mohamd Universiti Utara Malaysia.
- Abd Rahim Abd Rashid. 2004. *Patriotisme: Agenda Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Abdul Lafiff Abu Bakar. 1996. *Konsep Patriotisme and Nasionalisme*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Fawzi Mohd. Basri. 2002. *Patriotisme dan Ketahanan Nasional: Satu Pandangan Tentang Kesignifikannya Sebagai Agenda Negara*. Kertas Kerja dibentangkan di Kongres Patriotisme Negara, di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, anjuran Biro Tatanegara dan Universiti Utara Malaysia, Bangi pada 22-28 Oktober 2002.
- Ahmad Ahmad Rusdi, 2002. *Permasalahan Pelaksanaan nsur Patriotisme Dalam Mata Pelajaran Kajian Tempatan: Punca Daripada Guru Sendiri*. Alor Setar: Institut Perguruan Darulaman.

- Ajit.2008. *Tema-tema hari Kemerdekaan*. Diakses pada 20 April 2015 daripada http://skatjb.com/index2.php?option=content&do_pdf=1&id=316
- Anderson, B. 1992. *Imagined communities: Reflections on the origin and spread of nasionalism*. New York: Routledge.
- Berns, W.1997. *On Patriotism. Public Interest*, Spring, 1997,19.
- Daniel Bar-tal and Ervin Staub. 1997. *Patriotism in the Lives of Individuals and Nations*. USA: Nelson-Hall Inc.
- Kohn, H.1968. Nationalism. In D.L, Sills (ed.), *InternationaleEncyclopedia of the social sciences*, vol, II (pp.63-70), New York: Macmillan
- Ku Hasnita Ku Samsu. 2007. *Patriotisme di Kalangan Generasi Muda Malaysia: Kajian Kes Ke Atas Mahasiswa Bukan Melayu di Institusi Pengajian Tinggi*. Universiti Putra Malaysia
- Hossell, Karen Price, 2005. *John F. Kennedy's Inaugural Speech*. Heinemann-Raintree
- Mohd Ismail Mustari. 2007. *Menjadi Belia Cemerlang*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Muhamad Ali Embi.2009. *Patriotisme dan Kepercayaan Rakyat di Malaysia (Pertama)*. Kuala Lumpur:Utusan Publication
- Nik Nuar Nik Mahmud,2002. *Patriotisme dan Bangsa Malaysia*. Kertas Kerja dibentangkan di Kongres Patriotisme Negara, di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, anjuran Biro Tatanegara dan Universiti Utara Malaysia, Bangi pada 22-28 Oktober 2002.
- Nordin Kardi.2003. *Konsep Patriotisme*. Diakses 20 April 2015 daripada <http://www.btn.gov.my/kp> .
- Nor Hartini Saari. 2008. *Belia Hari Ini Cermin Masa Depan Negara* . Diakses 20 April 2016, daripada http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?cmd=resetall&grp=2key=1603&1g=&opt=com_article&sec=
- Jabatan Perangkaan Malaysia 2011. *Profil Penduduk Malaysia*. Diakses 9 November 2015 daripada <https://www.google.com/webhp?sourceid=chrome-tant&ion=1&espv=2&ie=UTF-8#q=jumlah+belia+di+Malaysia+pdf>
- Portal Rasmi Kementerian Belia dan Sukan. Di akses 8 Mei 2016 daripada <http://www.kbs.gov.my/my/info-kbs/misi-visi-dan-objektif.html>
- Saifuddin Abdullah. 2002. *Patriotisme Alaf Baru*. Kertas Kerja dibentangkan di Kongres Patriotisme Negara, di Insitut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, anjuran Biro Tatanegara dan Universiti Utara Malaysia pada 22-28 Oktober 2002 Sarjit S. Gill, et al 2015. *Satu kajian mengenai kesedaran patriotik dalam kalangan belia Bandar di Semenanjung Malaysia*. Jakarta: Jurnal Sosial IImu Politik Universitas Hasanuddin
- Shamsul Amri Baharuddin.2014. *Modul Hubungan Etnik*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zainal Abiddin, N.2007. *Fungsi Dan Sumber Mentor Tidak Formal Dalam Kalangan Usahawan Belia Tani Siswazah*. Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia